

# PM: Harun bawa saya semula ke dalam UMNO

UM 2 0 OCT 2003

**B**ANGKOK 19 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Allahyarham Datuk Harun Idris adalah orang yang bersusah payah membawa semula beliau ke dalam UMNO setelah disingkirkan, dan pemergian tokoh itu ke rahmatullah hari ini amat menyedihkannya.

“Dia (Allahyarham) datang ke Alor Star dan bawa saya balik ke dalam UMNO dan ke-

rana itu semasa dia dipenjarakan atas tindakan tertentu dan saya (yang kemudiannya) menjadi Perdana Menteri, cuba bebaskannya.

Pada 1982, Harun diberikan pengampunan diraja selepas menjalani hukuman penjara selama tiga setengah tahun.

“Saya akui sumbangan Harun terhadap UMNO dan diri saya sendiri. Saya terhutang budi kepadanya,” kata Perdana

Menteri kepada wartawan Malaysia di hotel penginapannya di sini hari ini.

Beliau berada di sini kerana menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang bermula esok.

Menurut Dr. Mahathir lagi, selepas keluar dari penjara, Harun kembali aktif dalam UMNO tetapi selepas itu dia tidak bersetuju dengan beliau dan perhubungan mereka selepas itu agak renggang.

“Walaupun saya tidak rapat selepas itu tetapi hakikatnya dialah yang membawa saya masuk semula ke dalam UMNO,” jelas Dr. Mahathir yang kelihatan sedih apabila diminta mengulas kematian Harun.

Bekas Menteri Besar Selangor itu meninggal dunia akibat angin ahmar di rumahnya di no. 10, Langgak Duta, Taman Duta, Kuala Lumpur. Allahyarham berusia 78 tahun. — *Utusan*